

21 JUN 2003

Umno-Wartawan

WARTAWAN BACA SAJAK DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Dalam sejarah 54 kali perhimpunan agung Umno, buat pertama kalinya seorang wartawan diberi peluang untuk membacakan sajak pada perhimpunan itu hari ini.

Pengarang Kumpulan New Straits Times Sdn Bhd Datuk Ahmad A. Talib berkata beliau mendapat inspirasi untuk menulis puisi bertajuk "Tiada Kau Berdosa" itu setelah mengikuti ucapan perasmian Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di perhimpunan itu kelmarin.

Katanya beliau telah meminta kebenaran daripada Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob kelmarin untuk membacakan puisi itu.

Ahmad yang berkhidmat lebih 30 tahun sebagai wartawan, sering membuat liputan Dr Mahathir di dalam dan luar negara.

"Sajak ini saya tujukan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada pemimpin yang banyak memberi bimbingan, bukan hanya kepada saya sebagai individu Melayu, tetapi kepada semua orang Melayu amnya," katanya.

Sajak itu berbunyi:

Tiada kau berdosa pada ku  
Tiada kau berdosa pada Melayu  
Tapi ingin ku tahu  
Bagaimana Melayu tanpa mu

Tiada kau leter tidak menentu  
Tiada kau puji dengan melulu  
Tiada kau marah tanpa periksa dahulu  
Tiada kau tangisi tanpa sesuatu

Sebenarnya,  
Perdana Menteri ku  
Kata-kata mu pedoman ku  
Tingkah laku mu teladan bagi ku

Sebenarnya  
Perdana Menteri ku  
Kaulah inspirasi ku

Ahmad kemudian menyampaikan teks sajak itu kepada Dr Mahathir di perhimpunan itu.

-- BERNAMA

JM KHY ROS